

04 JUN 2000

Mahathir-Lawatan/I

DR MAHATHIR AKAN LAKUKAN LAWATAN KERJA SEMINGGU KE JEPUN

KUALA LUMPUR, 4 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan berlepas ke Jepun Selasa ini untuk menghadiri satu persidangan ekonomi selain meninjau teknologi pengilangan terkini bagi memesatkan lagi pembangunan industri di Malaysia.

Seorang jurucakap Pejabat Perdana Menteri hari ini berkata persinggahan pertama beliau ialah Nagoya untuk melihat beberapa kilang paling moden milik perbadanan multinasional Jepun selain kilang di Tokyo.

Dr Mahathir akan diiringi isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali selain para pegawai dari Kumpulan Industri bagi Teknologi Tinggi Malaysia (Might) dan Wisma Putra untuk lawatan kerja seminggu itu.

Satu rombongan sektor swasta, yang termasuk Tan Sri Ahmad Johan, presiden AIROD, akan juga mengiringi Dr Mahathir.

Anak syarikat Airod, SME Aerospace, dijadual menandatangani perjanjian dengan sebuah perbadanan terkemuka Jepun bagi pemerolehan peralatan berkomputer terancang untuk pengeluaran komponen pesawat.

Semasa lawatan itu, Dr Mahathir akan menyertai pemimpin dunia yang lain untuk menghadiri pengebumian mendiang Keizo Obuchi, perdana menteri Jepun yang meninggal dunia pada 14 Mei lepas, enam minggu selepas diserang angin ahmar dan koma.

Pengebumian itu akan berlangsung di Nippon Budokan di Tokyo pada hari Khamis.

Pada hari yang sama, Dr Mahathir dijadual mengunjungi Yoshiro Mori yang menggantikan Obuchi sebagai perdana menteri.

Ini merupakan lawatan kerja beliau yang pertama ke Jepun selepas beliau mengetuai kerajaan yang memerintah, Barisan Nasional memenangi pilihan raya umum pada November tahun lepas dan selepas menang tanpa bertanding sebagai presiden Umno pada perhimpunan agung parti itu bulan lepas.

Dr Mahathir akan menghadiri satu persidangan penting di Tokyo - Persidangan Antarabangsa Nikkei ke-6 -- yang akan merangka strategi untuk mempercepatkan pemulihan Asia daripada krisis ekonomi yang melanda rantau itu pada 1997.

Para pegawai Wisma Putra berkata Dr Mahathir akan menyampaikan ucap-tama pada persidangan mengenai masa depan Asia yang dianjurkan oleh kumpulan media Nihon Keizei Shimbun.

Pemimpin Asia lain yang akan hadir pada persidangan itu ialah Presiden Indonesia Abdurrahman Wahid dan Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew.

-- BERNAMA

GM LAT